



**BAHASA PENJANA MINDA**

**BICARA KARYAWAN** Bersama Datuk Dr. Hassan Ahmad  
 (Ketua Eksekutif Yayasan Karyawan/ Mantan  
 Ketua Pengarah DBP Kelima)



**Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia**

Kerap kali kita mendengar orang di Malaysia menganggap "bahasa Indonesia" tidak sama dengan bahasa Melayu yang digunakan di Malaysia. Jadi, orang Melayu dinasihat supaya jangan terpengaruh dengan bahasa Indonesia. Jangan ikut cara atau gaya sebutan orang Indonesia, misalnya membunyikan fonem /a/ di akhir kata sebagai <a>, tidak sebagai <ə> seperti yang disebut oleh orang Melayu di Selatan Tanah Melayu, misalnya di Johor. Atau meniru cara orang Indonesia "mencemarkan" bahasa mereka dengan menggunakan segala macam kata pinjaman daripada bahasa Inggeris "sewenang-wenang": contohnya *portion* jadi *porssi*, *position* jadi *posisi*, *guarantee* jadi *garansi* dan beratus yang lain.

Sebenarnya bahasa Indonesia ialah bahasa Melayu, bukan bahasa Jawa, bukan bahasa Aceh, bukan bahasa Batak, bahasa Bugis dan bahasa Minangkabau. Apabila kita di Malaysia menonton filem Indonesia di TV Malaysia atau mendengar lagu Indonesia, kita faham bahasa yang digunakan dalam filem atau lagu kerana yang digunakan ialah bahasa Melayu. Sistem atau peraturan tatabahasa bahasa Indonesia ialah sistem tatabahasa bahasa Melayu. Ayat-ayat dan kata-kata dalam bahasa Indonesia dibentuk menurut peraturan linguistik atau tatabahasa (nahu) bahasa Melayu.

Tentang cara atau gaya sebutan kata bahasa Indonesia, sebenarnya sebutan itu betul, tidak salah. Mereka menggunakan sebutan baku. Huruf <a>, <i>, <u> dan <g>, misalnya bunyinya ialah [a] tidak [e], [i], tidak [ai], [u], tidak [yu] dan [g], tidak [j]. Orang di Indonesia menyebut kata seperti "atom" sebagai [a-tom], tidak [e-tom], "identiti" sebagai [i-den-ti-ti], tidak [ai-denti-ti], "unit" sebagai [u-nit], tidak [yu-nit] dan "teknologi" sebagai [tek-no-lo-gi], tidak [tek-no-lo-ji]. Mereka tidak meniru bunyi atau sebutan bahasa Inggeris. Ejaan bahasa

Inggeris sebenarnya tidak fonemik: satu huruf boleh melambangkan dua tiga macam fonem atau bunyi. Huruf "o" boleh dibunyikan sebagai [i], contohnya perkataan 'women' (kata jamak) dibunyikan [wi-men].

Huruf /a/ di akhir kata yang dibunyikan [ə], misalnya pada kata saya, suka dan muka sebenarnya ialah variasi sebutan daerah. Di Utara Semenanjung Tanah Melayu, orang menyebut huruf /a/ ini sebagai [a]. Sebutan ini lebih baku daripada sebutan [ə]. Di Indonesia pun ada variasi atau kelainan sebutan ini. Orang di Jawa menyebut huruf itu menurut sebutan baku, tetapi di kawasan lain, misalnya di Kepulauan Riau, di Sumatera, huruf ini dibunyikan sebagai [ə].

Tentang penggunaan kata-kata daripada bahasa Inggeris yang nampaknya tidak terkawal, sebenarnya ada peraturan yang agak konsisten, misalnya mereka menggantikan bentuk "-tion" daripada bahasa Inggeris kepada "si" dalam bahasa Indonesia. Malaysia pun mempunyai kaedah yang konsisten: kita menyerap bentuk "-tion" dengan dua cara, iaitu menggunakan kaedah transkripsi, iaitu "-syen", (televisyen), dan "-si" (organisasi).

Kalau di Indonesia, terutama di Jakarta, bermacam-macam ragam bahasa Indonesia digunakan sehinggalah kita sering menghadapi masalah memahami percakapan seharian penduduk Jakarta, kita jangan lupa di Malaysia hal yang sama juga berlaku. Kita dilanda oleh masalah penggunaan "bahasa Melayurojak", bahasa Melayu yang bercampur baur dengan bahasa Inggeris. Ini masalah budaya bahasa yang perlu kita selesaikan dengan bersungguh-sungguh supaya taraf bahasa Melayu sebagai bahasa budaya tinggi tidak dimusnahkan.

Kita harus melihat bahasa Melayu - bahasa Indonesia sebagai bahasa yang sama, seperti juga orang Inggeris melihat bahasa Inggeris di Britain, di Amerika, di

Australia dan New Zealand sebagai bahasa yang satu walaupun terdapat berbagai-bagai variasi atau kelainan ejaan dan sebutan di negara dan daerah setempat masing-masing. Ini penting kerana kekuatan dan pengaruh bahasa Melayu tidak terletak pada ragam-ragam dialek negeri atau dialek daerah bahasa ini, tetapi pada "darjat" atau tarafnya sebagai bahasa ilmu, bahasa sains dan teknologi, bahasa kerajaan, bahasa perdagangan dan bahasa budaya tinggi di peringkat rantau ini. Bahasa ini digunakan sebagai bahasa ilmu di peringkat institusi pengajian tinggi tidak sahaja di Malaysia tetapi juga di seluruh Indonesia yang mempunyai lebih 3000 buah institusi pengajian tinggi, dan yang menghasilkan ribuan buku ilmu tinggi setiap tahun.

Kita bersyukur kerana dalam sejarahnya bahasa Melayu berjaya berkembang dan merebak ke seluruh rantau ini, sehingga dalam tahun 1945 Sukarno dan rakan-rakan seperjuangannya tiada pilihan lain melainkan mengisytiharkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan Republik Indonesia.

Hari ini bahasa Melayu merupakan salah satu bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan yang terbesar di dunia. Matlamat kerjasama kebahasaan antara Malaysia, Indonesia, yang dimulai sejak akhir tahun 1950-an, dan kemudian dengan Brunei, tiada lain adalah untuk mengekalkan sejarah budaya dan tamadun yang luar biasa ini, yang dibina atau disatukan oleh bahasa Melayu. Majlis Bahasa Brunei-Indonesia-Malaysia yang sejak tahun 1972 dan 1975 telah melahirkan dua pedoman bahasa yang penting bersama, iaitu Pedoman Umum Ejaan dan Pedoman Umum Pembentukan Istilah, diharap dapat merapatkan lagi bahasa Melayu di Malaysia, di Indonesia dan di Brunei.

Persepsi kita tentang bahasa Melayu biarlah luas, tidak sempit, tidak dikongkong oleh perasaan daerah, negeri atau negara.

**TAHUKAH ANDA?**

**Pesta Buku**

Falsafah di sebalik penganjuran Pesta Buku adalah untuk memastikan buku yang diterbitkan dapat disampaikan kepada khalayak yang memerlukannya. Pesta buku bukan hanya merupakan pusat sehenti bagi peminat atau pembeli buku, malah tempat bertemunya para penggiat industri buku tempatan dan antarabangsa. Pesta buku juga menjadi medan kepada penerbit seluruh dunia berunding serta berurusan niaga berkaitan dengan urusan pembelian, penjualan, perolehan hak cipta di samping menambah rangkaian hubungan dalam kalangan mereka.

Pesta buku terbesar di negara kita, Pesta Buku Kuala Lumpur ialah anjuran Majlis Buku Kebangsaan Malaysia dan pelbagai badan industri buku. Pesta Buku bermula di Cangkat Pavilion, Kuala Lumpur pada tahun 1982 dengan jumlah pengunjung seramai 40,000 orang. Pada tahun 1994 namanya telah diubah kepada Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBKL) yang melibatkan penyertaan dari negara-negara seperti Singapura, China, Amerika, India, Jepun, Iran, Australia, dan Indonesia. Antara kegiatan yang dianjurkan sempena PBKL ialah diskusi buku, forum, seminar, wawancara khas dengan penulis terkenal dan pelancaran buku.

Pesta buku terbesar di dunia ialah Pesta Buku Frankfurt (Frankfurt Book Fair), biasanya diadakan pada pertengahan bulan Oktober, di tapak pameran seluas sembilan hektar di Frankfurt am Main. Acara tahunan ini merupakan pameran buku terbesar di dunia yang dirintis sejak abad ke-15. Paling ketara dalam Pesta Buku Frankfurt ini ialah penyertaan wakil-wakil syarikat penerbitan buku dan syarikat multimedia dari seluruh dunia yang datang untuk mengadakan urusan niaga perbukuan, pelesenan dan hak cipta di peringkat antarabangsa.

Pesta Buku Frankfurt juga menentang sebuah negara sebagai tetamu yang diraikan (Guest of Honour) dengan diberi ruang pameran dan kegiatan yang istimewa. Antara pesta buku lain yang terkenal di peringkat antarabangsa ialah Pesta Buku Kanak-kanak Antarabangsa di Bologna, Itali.

Pesta buku bukan sahaja mampu menggalakkan minat membaca dan menimba ilmu dalam kalangan masyarakat, malahan memajukan industri buku di negara tersebut.

Oleh Fatimah Zahrin Mohd Taib

**PEDOMAN PENTERJEMAHAN Bersama Sa'odah Abdullah**



Senarai frasa kali ini pula terdiri daripada frasa yang mengandungi kata "cheer", "chew" dan "chip". Ketiga-tiga perkataan ini mempunyai makna yang lebih daripada satu; misalnya kata dasar "cheer" membawa makna sorakan

gembira, pujian, sokongan dan sebagainya. Namun frasa atau idiom yang mengandungi kata cheer membawa pelbagai makna yang berbeza. Kesukaran sering timbul apabila hendak mengungkapkannya maksud ini dengan tepat dan

bersahaja ke dalam bahasa sasaran. Adakala penyesuaian perlu dibuat dan struktur atau bentuk terjemahannya akan berubah. Terjemahan sedemikian disebut sebagai terjemahan dinamik atau liberal.

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu	Contoh Penggunaannya
Cheer (someone) on	Bersorak memberikan dorongan/semangat	BI : His supporters <b>cheered</b> him on as soon as he entered the stadium. BM: Penyokong-penyokongnya <b>bersorak memberikan sokongan kepadanya</b> sebaik sahaja dia memasuki stadium.
Cheer up	Bergembira/ berasa riang /terhibur	BI : Try and <b>cheer up</b> a bit, life isn't that bad! BM: Cubalah <b>bergembira</b> sedikit; hidup ini tidaklah seburuk itu!
Cheer (someone) up	Menggembirakan/ meriangkan/ menghiburkan hati seseorang	BI : He gave his mother a present to <b>cheer her up</b> . BM: Dia memberi ibunya hadiah untuk <b>menghiburkan hatinya</b> .
Cheer from	Sorakan kegembiraan /galakan	BI : The football team received loud <b>cheers from</b> the crowd. BM: Pasukan bola itu mendapat <b>sorakan yang gemuruh daripada penonton</b> .
Chew at	Menggigit-gigit	BI : Wani was always <b>chewing at</b> her lower lips when she got nervous. BM: Apabila gugup, Wani sering <b>menggigit-gigit</b> bibir bawahnya.
Chew up something	i) Mengunyah sesuatu ii) Memusnahkan atau menghancurkan (fig.)	BI : Make sure your child <b>chew up</b> his food well before swallowing it. BM: Pastikan anak anda <b>mengunyah</b> makanannya betul-betul sebelum menelannya. BI : The terrorists <b>chew up</b> the government-held territory. BM: Pengganas telah <b>memusnahkan</b> wilayah di bawah perintah kerajaan.
Chew someone out	Mencaci/ memaki (fig.)	BI : The coach <b>chewed out</b> the player, due to his poor performance. BM: Jurulatih <b>mencaci</b> pemain itu kerana prestasinya yang teruk.
Chew on long.	Menggigit-gigit/ mengunyah (tanpa henti-henti)	BI : The dog was <b>chewing on</b> the bone all day BM: Anjing itu <b>menggigit-gigit</b> tulang sepanjang hari.

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu	Contoh Penggunaannya
Chew over	Memikir-mikirkan / meneliti	BI : He <b>chewed over</b> the idea before he could make a decision. BM: Beliau <b>memikir-mikirkan</b> gagasan itu sebelum membuat keputusan.
Chip away	i) Menakik-nakik/ menaruh/ memotong/ menyerpih ii) Melemahkan (tentang)	BI : The sculptor was busy <b>chipping away</b> at a block of marble with a chisel. BM: Pengarca itu sibuk <b>menakik-nakik</b> ketulan marmar dengan pahat. BI : They had <b>chipped away</b> the power of the government. BM: Mereka telah <b>melemahkan</b> kuasa kerajaan.
Chip off	Menyerpih keluar/ terkelupas	BI : The paint has <b>chipped off</b> where the table touches the wall. BM: Di bahagian yang terkena dinding itu, catnya telah <b>terkelupas</b> .
Chip off the old block	Saling tak tumpah/ bapa borek anak rintik	BI : Everyone agrees that he is the <b>chip off the old block</b> . BM: Setiap orang bersetuju bahawa dia dengan bapanya itu ibarat <b>bapa borek, anak rintik</b> .
Chip on one's shoulder	Pedih/ bengkak hati/ kesal/ tersinggung	BI : She has got a <b>chip on her shoulder</b> about not having gone to university. BM: Dia <b>bengkak hati</b> kerana tidak dapat memasuki universiti.
Chip in	i) Mencilah/menyela/ menyampuk ii) Memberikan sumbangan/ menyumbang	BI : Wan <b>chipped in</b> before Rohani could answer. BM: Wan <b>mencilah</b> sebelum Rohani dapat menjawab. BI : The brothers <b>chip in</b> a certain amount of money every month to pay for the rent. BM: Adik beradik itu <b>menyumbangkan</b> sejumlah wang setiap bulan untuk membayar sewaj.
To chip something	Memecah/mericik kecil-kecil	BI : You have to <b>chip</b> the ice before putting it in the glass. BM: Anda perlu <b>memecahkan</b> air batu itu kecil-kecil sebelum memasukkannya ke dalam gelas.

**PERIBAHASA**

**Adat Teluk Timbunan Kapar**

Peribahasa ini bermaksud orang yang berpangkat atau berpengaruh biasanya menjadi tumpuan dan tempat orang mengadu. Dengan kata lain dijadikan rujukan orang. Oleh itu, setiap ketua mahupun pemimpin haruslah mempunyai sifat positif dalam diri seperti baik hati, pemurah, adil, saksama, amanah dan tidak menggunakan kesempatan yang diberikan untuk kepentingan diri sendiri. Malah sentiasa berusaha untuk terus menjadi pemimpin yang disegani oleh orang lain atau orang bawahan sesuai dengan dirinya sebagai perujuk. Peribahasa lain yang sama makna ialah adat lurah *timbunan sarap*.

Oleh Siti Ruzaiha Mohd Riffin

**KATA DIALEK**

**Aweh**

Dalam dialek Perak bermaksud ramuan yang digunakan untuk memasak lauk-pauk atau perencah. Contoh penggunaannya: "Siap dulu aweh-awehnye, karang mak masakle." (Siap dulu ramuan-ramuannya, nanti emak masaklah).

Oleh Shariffulizan Malek